

Selepas hujan lebat selama satu jam bersama angin kencang

Banjir 'tsunami' Lembah Klang

Oleh ANGELINA SINYANG
pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 2 Mei --Ratusan penduduk dan pemilik premis perniagaan di pekan Salak Selatan di sini hari ini cemas apabila banjir setinggi kira-kira dua meter yang datang bagaikan tsunami tiba-tiba melanda kawasan berkenaan.

Air bersama longgokan kayu dan sampah itu dipercayai melimpah dari Sungai Kerayong. Ia kemudian menghanyutkan barang-barang dalam deretan kedai, pejabat pos dan balai polis serta menenggelamkan puluhan kenderaan di tempat letak kereta di kawasan itu.

Kejadian banjir kilat besar yang pertama kali berlaku dalam tempoh lebih 50 tahun di pekan berke-



RAMACHANDRAN



PETER KAN

naan menyebabkan pemilik kedai mengalami kerugian apabila gagal menyelamatkan barang-barang perniagaan mereka.

Banjir kilat itu turut menghanyutkan beberapa kereta yang sedang bergerak di atas jalan dan menyebabkan seorang pemandu teksi bersama dua penumpang terperangkap dalam kenderaan. Mereka bernasib baik apabila berjaya diselamatkan oleh sepasukan anggota bomba.

Kejadian banjir itu berlaku kira-kira pukul 2 petang selepas hujan lebat selama satu jam bersama angin kuat melanda Lembah Klang.

Seorang pemilik kedai menjual barang lusuh, **K. Ramachandran**, 55, berkata, dia bersama pekerjaanya terkejut apabila melihat air berombak seperti tsunami tiba-tiba datang dan menghanyutkan semua barang dalam kedainya.

"Sudah 15 tahun saya berniaga menjual barang lusuh di pekan ini



ORANG ramai menolong mengalihkan kenderaan yang ditenggelami air akibat banjir kilat besar yang menenggelamkan pekan Salak Selatan di Kuala Lumpur, semalam.

tetapi ini kali pertama saya melihat banjir kilat paling teruk dan menakutkan melanda kawasan ini," katanya ketika ditemui di kedainya.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di pekan Salak Selatan mendapati banyak kedai dan kenderaan rosak teruk akibat kejadian tersebut tetapi ia memberi rezeki kepada orang ramai apabila air sungai turut menghanyutkan banyak ikan.

Selain Salak Selatan, beberapa kawasan di sekitar ibu kota dan Selangor turut dilanda banjir kilat, tanah runtuh dan pokok tumbang.

Jurucakap Bilik Gerakan Bomba dan Penyelamat Kuala Lumpur ketika dihubungi memberitahu, pihaknya menerima tujuh panggilan mengenai banjir kilat dan satu kejadian tanah runtuh di sekitar Lembah Klang.

"Antara kawasan yang terlibat adalah di Bulatan Cheras, Jalan Ya-

acob Latif, Kolej Tun Abdul Rahman (TAR) di Jalan Jaya, Kampung Setia Jaya, Setapak dan Jalan Besar Projek Perumahan Rakyat (PPR), Sungai Bonus di Setapak.

"Banjir turut berlaku di Lembah Keramat berhampiran Pusat Pembelajaran Tahfiz, Kampung Pauh dan Bangunan Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (Perkim) di Sentul, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Tai Fong di Bukit Jalil dan pekan Salak Selatan," katanya.

Beliau berkata, dua kejadian pokok tumbang turut dilaporkan berlaku yang mana masing-masing menghempap sebuah van dan kabel elektrik di Sungai Besi serta Flat Seri Johor, Jalan Tun Razak di sini.

Katanya, kejadian tanah runtuh merosakkan bahagian dapur rumah seorang penduduk turut dilaporkan berlaku di Taman Supreme, Cheras.

Sementara itu, jurucakap Bilik

Gerakan Bomba dan Penyelamat Selangor pula memberitahu, pihaknya turut menerima panggilan mengenai kejadian banjir kilat di pekan Kajang, beberapa kawasan perumahan di Ampang dan Pandan Indah, dekat sini.

Bagaimanapun, tiada kemalangan jiwa dan kecederaan dilaporkan berlaku, namun berlaku kesesakan teruk di jalan di sekitar ibu negara.

Pemilik kedai makan di Salak Selatan, **Peter Kan**, 70, berkata, air setinggi paras dada yang datang dalam tempoh hanya dua minit itu menyebabkan dia rugi kira-kira RM20,000 apabila semua barang dalam kedai termasuk kerusi, meja dan pinggan mangkuk dihanyutkan air.

Peter yang sudah 40 tahun berniaga di pekan itu memberitahu, sebelum ini, pernah berlaku kejadian banjir kilat tetapi air hanya naik paras lutut tetapi kejadian kali

ini amat menakutkan kerana air banjir datang seperti tsunami.

Pemilik bengkel membaiki motosikal dan kereta, **Ah Onn**, 60, berkata, dia menanggung kerugian besar apabila semua barang dalam bengkel dan kenderaan pelanggan ditenggelami air.

"Hujan lebat mula turun kira-kira pukul 1 tengah hari tetapi tiada siapa sangka ia akan menyebabkan banjir besar. Jadi, tiada sebarang persediaan menghadapi banjir dibuat menyebabkan keadaan menjadi kelam-kabut apabila air deras menghanyutkan semua barang dalam bengkel," ujarnya.

Sementara itu, Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dalam kenyataan hari ini memaklumkan laluan Terowong Pengurusan Air Banjir dan Jalan Raya (SMART) ditutup sepenuhnya kepada trafik bagi pengaktifan sistem aliran banjir.